

Tengku Hassanal dimasyhur Canselor KUIPSAS

Kosmo 4/9/2019

KUANTAN - Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah semalam dimasyhur sebagai Canselor Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) semalam.

Istiadat pemasyhuran itu berlangsung serentak dengan Konvokesyen ke-18 KUIPSAS 2019 yang diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di sini.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail selaku Pro Canselor KUIPSAS mengumumkan pemasyhuran Tengku Hassanal selaku Canselor sebelum menyarungkan jubah sebagai simbolik kepada pemasyhuran itu.

Tengku Hassanal merupakan Canselor KUIPSAS kedua menggantikan nenda baginda, Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Bilah yang menggalas tanggungjawab itu bermula Februari 2016 sehingga kemangkatan baginda pada 22 Mei lalu.

Dalam titah baginda, Tengku Hassanal menzahirkan rasa terharu dengan kepercayaan daripada kerajaan negeri dan pihak universiti bagi meneruskan perjuangan Almarhum Sultan Ahmad Shah.

"Saya berjanji akan meneruskan hasrat dan kepimpinan almarhum nenda saya untuk melihat KUIPSAS terus berkembang ke arah melak-

sanakan peranannya sebagai pusat pendidikan berteraskan Islam, khususnya untuk rakyat Pahang.

"Para graduan juga perlu bersedia memberi sumbangan dalam apa jua bentuk bagi memajukan dan membantu universiti ini baik dari segi pemikiran mahupun kewangan supaya KUIPSAS terus maju," titah baginda.

Tengku Hassanal juga menzahirkan hasrat mahu melihat pentadbiran KUIPSAS yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah terus melahirkan graduan dan ilmuan yang holistik serta berupaya menyumbang kepada masyarakat. - Bernama



TENGGU Hassanal (tengah) berkenan menyampaikan hadiah bagi Anugerah Kecemerlangan Sultan Ahmad Shah kepada Nursyazwani Zaidi pada majlis Konvokesyen KUIPSAS di Kuantan semalam.